

29 SEP 2003

UMNO SABAH HARAP PERALIHAN KUASA PARTI BERJALAN SEMPURNA

KOTA KINABALU, 29 Sept (Bernama) -- UMNO Sabah berharap agar peralihan kuasa pada parti itu selepas Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur akhir bulan depan berjalan dengan baik, teratur dan sempurna, kata Ketua Badan Perhubungannya Datuk Musa Aman.

Beliau percaya seharusnya tidak ada perebutan kuasa dan peralihan itu berjalan dengan baik teratur dan sempurna, kata beliau pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan itu di sini petang ini.

Katanya juga sejak dari dahulu lagi UMNO Sabah mempunyai pendirian yang konsisten iaitu akan akur kepada keputusan presiden parti ketika itu dalam pelantikan timbalannya.

Musa yang juga Ketua Menteri Sabah berkata demikian ketika diminta mengulas nasihat Dr Mahathir kepada pemimpin kanan parti itu supaya jangan berebut jawatan terutama Timbalan Presiden selepas beliau bersara kelak.

Sementara itu, Musa berkata sempena bulan Ramadhan ini para pemimpin UMNO Sabah akan turun padang melawat anak-anak buah mereka di cawangan dalam usaha mengeratkan hubungan antara para pemimpin dan anggota parti.

Jumlah keseluruhan anggota UMNO Sabah sehingga Ogos lepas ialah 421,398 orang sementara bilangan yang berdaftar sebagai pemilih sehingga Jun lepas ialah 319,443 orang dan cawangannya berjumlah 5,324 sehingga Ogos tahun ini, katanya.

-- BERNAMA

MK BK